

Headline **MSU teruskan tradisi cipta rekod**  
Date **21 Jul 2010**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Selangor & KL**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **S18**  
Article Size **219 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,205**  
PRValue **3,614**



# MSU teruskan tradisi cipta rekod

**SHAH ALAM** - Universiti Pengurusan dan Sains (MSU) melalui Pembangunan Mahasiswa dan Kerjaya (SCD) sekali lagi mencipta rekod baru Malaysia Book of Records apabila berjaya menamatkan Cabaran Bola Sepak Jalanan Tanpa Henti selama 106 jam, baru-baru ini.

Cabaran selama enam hari itu diadakan bersempena perasmian Taman Rekreasi atau lebih dikenali sebagai U-Park melibatkan 520 penuntut daripada MSU dan Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan (PTPL) yang dibahagikan kepada 130 pasukan.

Dalam majlis meraikan kejayaan berkenaan, Presiden MSU dan Kumpulan Kolej PTPL, Profesor Datuk Wira Mohd Shukri Ab. Yajid berkata program itu dapat melahirkan golongan penuntut berdaya saing tinggi dan berketrampilan.

"Malahan, dapat tingkatkan lagi tahap kebolehpasaran mereka agar sentiasa berada ditahap yang memuaskan.

"Selain itu, ianya bertujuan mengimbangi antara aktiviti akademik dan ko-kurikulum dan secara tidak langsung melahirkan graduan yang berkualiti dan ada nilai 'softskill' yang tinggi," katanya.

Sebelum ini MSU dan

institusi collegiatenya Kumpulan Kolej PTPL turut terlibat dalam mencipta dan memecahkan beberapa rekod lama dalam Malaysia Book of Records antaranya Aids Awareness Run (Larian baton tanpa henti 2352 kilometer), Logo Terbesar Dibuat daripada 'Kuih Apam' (1125 meter persegi), Rekod Menyusun Syiling 1 Sen Berbentuk Reben Aids Terbesar, Larian Baton Berganti-Ganti Tanpa Henti selama 50 jam dan Cabaran Kinabalu Merdeka: Menghasilkan Jalur Gemilang yang berukuran sepanjang 2.3 kilometer di rentangkan dari kemuncak ke kaki Gunung Kinabalu.



Mohd Shukri Ab. Yajid (tengah) bersama mahasiswa yang menjayakan cabaran berkenaan di majlis meraikan kejayaan mereka.